

MANUSIA DAN SISTEM - NC UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 18 Oktober 2010 15:54

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student


18 OKTOBER 2010 / 10 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Hairul Nizam Zahari

MANUSIA DAN SISTEM - NC UUM



UUM ONLINE: Institusi Akademik yang diketuai oleh cerdik pandai dalam kalangan tenaga akademik perlu mengetahui mengenai sistem yang disediakan bagi menjalankan urusan pentadbiran.

"Walaupun sistem yang disediakan amat baik namun sekiranya mereka yang dipilih untuk memegang jawatan dalam pentadbiran tidak mengguna pakai maka pasti organisasi itu tidak akan mencapai visi dan misi seperti yang dirancang," kata Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika merasmikan Kursus Khas untuk Penjawat-penjawat Utama universiti ini pagi tadi di Pusat Pembangunan Eksekutif EDC UUM.

Beliau berkata, untuk menguruskan universiti ini yang terdiri daripada 3000 staf dan lebih 34,000 pelajar tidak termasuk 1000 kakitangan daripada Unutama Property Sdn. Bhd. (UPSB) syarikat milik penuh universiti yang menguruskan perkhidmatan pencucian, pembersihan dan sebagainya perlu terdiri daripada kalangan mereka yang mempunyai kecekapan dalam Pengurusan.

Katanya sebagai pentadbir mereka perlu mengetahui mengenai pentadbiran termasuk tanggungjawab sebagai ketua.

Oleh itu mereka perlu melengkapkan diri dengan kursus-kursus seperti ini bagi mengetahui dan mendalami ilmu bagi kepentingan bersama untuk merealisasikan hasrat organisasi.

"Untuk menguruskan manusia amat rumit kerana ia bukan sahaja dari segi menawan hati dan perasaan tetapi perkongsian pengalaman yang diketengahkan oleh penceramah yang terdiri daripada Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Ismail Adam dan beberapa penceramah lain dari dalam dan luar diharap dapat memberi kefahaman untuk mentadbir," ujar beliau lagi.

Antara penceramah lain yang dijemput ialah daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah, Director Group Human Resources, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad / Felo Adjung Pusat Kerjasama Universiti Industri (CUIC) dan beberapa penjawat UUM seperti Pemangku Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-undang, Ketua Penolong Pendaftar dan Pengarah Pusat Komputer.

Sementara itu, beberapa penjawat utama yang ditemui setuju dengan saranan Naib Canselor supaya manusia dan sistem itu harus selari agar sistem pentadbiran dapat dijalankan dengan baik.

Penyelaras Program Komunikasi, Dr Hj Syd Abdul Rahman Hj Syd Zin ketika ditemui berkata, dalam dunia pekerjaan manusia dan sistem haruslah seiring bagi mencapai keberkesanan dalam pentadbiran.